

# Kerajaan berusaha imbangi kaum di luar, dalam kerajaan

**BH 20 MAY 2001**  
Oleh **OTHMAN MAMAT,**  
**DAUD AWANG** dan  
**MAGENDRAN**  
**RAJAGOPAL**

**JOHOR BAHRU:** Datuk Seri Dr Mahathir, semalam berkata kerajaan sedang berusaha mengimbangi penyertaan semua kaum dalam perkhidmatan awam dan swasta bagi memastikan kaum terbabit ada wakil pada semua peringkat di dalam dan luar kerajaan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bimbang kerana pada masa ini, penyertaan bukan Bumiputera di dalam perkhidmatan kerajaan, amat berkurangan.

"Kita bimbang sedikit kerana dalam perkhidmatan kerajaan tidak banyak orang bukan Melayu... orang Cina tidak cukup, orang India tidak cukup," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC di Hotel Eden Garden, di sini, semalam.

Beliau berkata, pada kebiasaannya, seorang berketurunan India menyandang jawatan ketua setiausaha kementerian, tetapi sekarang sukar mengisinya kerana tidak banyak orang bukan Melayu menyertai perkhidmatan awam.

"Kalau ada yang menyertainya pun, mereka (orang bukan

Melayu) tidak tunggu sampai bersara," katanya.

Dr Mahathir berkata, kecuali dalam bidang perkhidmatan diplomatik, penyertaan bukan Bumiputera dalam angkatan tentera dan polis tidak menggambarkan keseimbangan kaum.

Berikutan itu, katanya kerajaan akan berusaha mengimbangi penyertaan berbilang kaum supaya tidak wujud pandangan orang Melayu hanya menyertai sektor awam manakala bukan Melayu memasuki sektor swasta.

"Kita kena imbangkan, bukan saja perkhidmatan awam, malah dalam sektor lain juga, kita harus ada syarikat dan perbadanan yang diwakili semua kaum," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bimbang fenomena pelajar Melayu yang bergantung sepenuhnya terhadap kuota Bumiputera untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Beliau berkata, keadaan ini berlaku berikutan pelajar Melayu tidak memiliki kelayakan mencukupi untuk memasuki

universiti swasta, selain faktor kerajaan mewujudkan kuota khusus untuk Bumiputera.

"Sudah tentu mereka memerlukan yuran lebih tinggi (untuk memasuki universiti swasta), tetapi kerajaan sanggup menyediakan subsidi jika mereka mahu memasuki universiti swasta.

"Tetapi mereka mestilah mempunyai kelayakan secukupnya (untuk memasuki universiti swasta)," katanya.

Mengenai permintaan MIC agar pelajar India diberikan kuota berasingan untuk me-

masuk IPTA, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar mengenai penyertaan yang kurang seimbang dalam kuota bukan Bumiputera.

Selubungan itu, katanya, dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), kerajaan menyediakan peruntukan khas kepada kaum India bagi memastikan mereka mendapat bahagian daripada pembahagian lebih adil.

Ditanya mengapa kaum Cina kurang berminat me-

nyertai sektor awam, Perdana Menteri berkata, beliau berpendapat masalah itu disebabkan tanggapan kaum itu berniaga lebih menguntungkan.

"Jika dia (orang Cina) masuk perkhidmatan kerajaan sudah tentu prospek mereka agak terhad, tetapi ia sebenarnya terhad kepada orang lain juga," katanya.

Bagaimanapun, katanya, langkah menaikkan gaji bukan jalan penyelesaian terhadap masalah itu kerana kerajaan tidak boleh menyekat mereka menyertai sektor awam.